



Info ICT

MAKLUMAT DI Hujung JARI

KESELAMATAN ICT



Ancaman jenayah siber merupakan gejala yang semakin meruncing dan sering dihadapi oleh para pengguna teknologi ICT masa kini seterusnya mengancam tahap keselamatan ICT negara.

Memandangkan kemudahan Internet yang semakin canggih dan dapat diakses dengan mudah, maka ancaman ini menjadi semakin berleluasa di mana penjenayah-penjenayah siber didapati semakin berani untuk melaksanakan aktiviti mereka seperti menyebarkan virus, melakukan penggodaman dan juga mencuri data untuk tujuan tertentu.

Ancaman boleh dilaksanakan oleh orang persendirian, kumpulan, pertubuhan haram, negara luar atau pihak profesional yang mempunyai agenda tersendiri.



KECURIAN MAKLUMAT



Apakah tindakan yang perlu diambil?

1. Jangan menghantar maklumat peribadi ke laman web yang tidak dikenali
2. Jangan membalas e-mel dari pengirim yang tidak dikenali
3. Baca pernyataan privasi di laman web dengan teliti
4. Sentiasa Log Keluar dari komputer apabila tidak digunakan

SERANGAN SPYWARE



Apakah SPYWARE?

Spyware adalah perisian yang melakukan tugas tertentu pada komputer anda tanpa pengetahuan, termasuklah mengumpul maklumat peribadi anda.

Apakah tindakan yang perlu diambil?

1. Gunakan Firewall
2. *Install* dan *Update* perisian antivirus secara berkala
3. Muat turun perisian dari laman web yang dipercayai sahaja

PERBANKAN ATAS TALIAN



Apakah tindakan yang perlu diambil?

1. Hafal kata laluan/PIN dan pastikan selamat
2. Pastikan laman web yang diakses adalah betul dan sah
3. Daftar Keluar selepas selesai melaksanakan transaksi
4. Periksa penyata akaun bagi memastikan transaksi dilakukan adalah berjaya

SERANGAN SPAM



Apakah SPAM?

Spam adalah e-mel yang tidak diinginkan yang anda terima daripada pengirim yang tidak dikenali di Internet.

Apakah tindakan yang perlu diambil?

1. Padam e-mel tersebut tanpa membukanya
2. Jangan buka lampiran yang disertakan dalam e-mel tersebut
3. Jangan klik pada sebarang pautan yang disertakan
4. Jangan balas atau panjangkan e-mel tersebut

PENIPUAN PHISHING




Apakah Phishing?

Phishing adalah tindakan yang menyebabkan seseorang memberi maklumat peribadi seperti nombor kad kredit, maklumat akaun bank dan sebagainya melalui e-mel, mesej popup dan laman web kelihatan sah.

Apakah tindakan yang perlu diambil?

1. Jangan berikan maklumat peribadi kepada orang yang tak dikenali
2. Jangan paparkan alamat e-mel atau no telefeon di laman sosial atau blog

KATA LALUAN



Bagaimana cara untuk lindungi kata laluan?

1. Jangan dedahkan kata laluan kepada sesiapa
2. Tukar kata laluan anda dengan kerap/berkala
3. Cipta kata laluan yang baik iaitu dengan menggabungkan huruf besar, huruf kecil, nombor dan simbol.

SEBARANG ADUAN/KEROSAKAN ICT,
SILA HUBUNGI TALIAN HELPDESK KEMENTERIAN DALAM NEGERI
03-8886 3350 / 03-8886 3329
aduan@moha.gov.my